

## KAEDAH BAYARAN CUKAI BERAMAUN TINGGI

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan bagi proses terimaan bayaran cukai untuk memastikan pengendalian instrumen bayaran dapat dilaksanakan dengan lebih teratur khususnya bayaran cukai beramaun tinggi serta menyokong saranan pihak kerajaan untuk memperkasa bayaran secara dalam talian bagi semua terimaan berkaitan urusan kerajaan.
2. Sehubungan itu, kaedah bayaran cukai beramaun tinggi bagi kategori pembayar cukai Syarikat serta Selain Syarikat adalah seperti berikut:
  - Secara FPX melalui Portal Rasmi HASiL (ByrHASiL)
  - Telegrafik Transfer (TT)/ Pindahan Dana Elektronik (EFT)/Interbank GIRO (IBG)/RENTAS/DUITNOW melalui nombor Virtual Account (VA) yang dijana melalui sistem e-TT.
3. Kaedah bayaran menerusi FPX boleh dilakukan di Portal Rasmi HASiL (ByrHASiL). Mulai 1 Jun 2023, had amaun bagi setiap transaksi bayaran bagi perkhidmatan FPX di ByrHASiL adalah seperti berikut:

| Jenis Akaun                | Had Transaksi                                    |
|----------------------------|--|
| <b>Individu</b>            | <b>RM500 ribu</b><br>(Had sebelum itu RM30 ribu) |
| <b>Korporat/Perniagaan</b> | <b>RM100 Juta</b><br>(Had sebelum itu RM1 juta)  |

Walau bagaimanapun, had transaksi bayaran ini juga bergantung kepada had pengeluaran/transaksi maksimum yang telah ditetapkan oleh pemilik akaun atau bank berkaitan. Sebagai contoh, walaupun had transaksi bagi individu menerusi FPX di ByrHASiL adalah sebanyak RM500 ribu, tetapi had pengeluaran maksimum akaun bank pembayar cukai ditetapkan sebanyak RM50 ribu, pembayar cukai masih tidak dapat membuat bayaran sekali gus kerana telah melebihi had pengeluaran maksimum yang ditetapkan. Pembayar cukai perlu berurusan dengan bank bagi peningkatan had transaksi berkenaan.

- Bayaran cukai juga boleh dilakukan menerusi kaedah Telegrafik Transfer (TT)/Pindahan Dana Elektronik (EFT)/Interbank GIRO (IBG)/RENTAS/DUITNOW dengan menggunakan nombor Virtual Account (VA) yang dijana melalui sistem e-TT.

Sistem e-TT telah diperkenalkan bermula 1 April 2022 bagi bayaran Cukai Pendapatan, Cukai Pendapatan Petroleum, Bayaran Kompaun dan Cukai Pegangan melalui kaedah Pindahan Telegrafik (Telegraphic Transfer), Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Pindahan Dana Antara Bank (IBG)/RENTAS/DUITNOW dari dalam dan luar negara.

Pembayar cukai yang ingin membuat bayaran cukai menerusi kaedah TT/EFT dan IBG/RENTAS/DUITNOW dari dalam dan luar negara perlu mengakses Sistem e-TT yang boleh dicapai seperti berikut:

- i. Melayari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- ii. Klik **Perkhidmatan ezHasil** > submenu **e-TT**;
- iii. Perlu mengisi maklumat bayaran dengan lengkap bagi menjana Nombor VA; dan
- iv. **Nombor VA yang diberikan perlu digunakan sebagai nombor akaun bayaran** semasa melakukan bayaran.

Pembayaran cukai menerusi medium TT, EFT dan IBG/RENTAS/DUITNOW dengan menggunakan Nombor VA boleh dilaksanakan seperti berikut:

- Perbankan internet menerusi Telegrafik Transfer (TT)/ Pindahan Dana Elektronik (EFT)/ Interbank GIRO (IBG) / RENTAS/DUITNOW
- Kaunter Bank: Menerusi Telegrafik Transfer (TT)/ Pindahan Dana Elektronik (EFT)/ Interbank GIRO (IBG) / RENTAS
- Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine (ATM)) menggunakan modul IBG.

5. Pembayar cukai individu yang ingin melakukan pembayaran cukai melebihi RM500 ribu (contoh: RM1 juta), mempunyai beberapa pilihan seperti berikut:

- Menerusi kaedah FPX iaitu melakukan dua (2) transaksi bayaran iaitu RM500 ribu setiap transaksi. Pembayar cukai dinasihatkan untuk menyemak had transaksi yang ditetapkan oleh bank masing-masing dan memohon peningkatan had terlebih dahulu sebelum melakukan bayaran.
  - Melakukan bayaran menggunakan Nombor VA menerusi portal perbankan elektronik atau Kaunter Bank. Pembayar cukai perlu mengakses sistem e-TT di Portal MyTax dan mengisi maklumat yang diperlukan bagi mendapatkan janaan Nombor VA. Bayaran menggunakan VA menerusi kaedah Pindahan Telegrafik di Kaunter Bank tidak tertakluk kepada sebarang had bayaran. Bagaimanapun, bayaran menggunakan Nombor VA menerusi perbankan elektronik turut tertakluk kepada had transaksi yang ditetapkan oleh bank masing-masing dan pembayar cukai perlu memohon peningkatan had terlebih dahulu sebelum melakukan bayaran.
6. Maklumat lanjut berkenaan maklumat bayaran, boleh diperolehi dengan melayari Portal Rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my). Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:
- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
  - b) HASiL Live Chat; atau
  - c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>



SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 14 Mei 2024**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia